

**PENYELARASAN PENCEN TAHUN 2007  
BERKUATKUASA 1 JULAI 2007**

**1. KELAYAKAN**

1.1 Penyelarasan pencen tahun 2007 merangkumi:

- (a) **pesara** daripada:
  - (i) Perkhidmatan Awam Persekutuan (termasuk Polis DiRaja Malaysia dan Angkatan Tentera Malaysia);
  - (ii) Perkhidmatan Awam Negeri;
  - (iii) Perkhidmatan Pihak Berkuasa Berkanun; dan
  - (iv) Perkhidmatan Pihak Berkuasa Tempatan; serta
  
- (b) **ahli keluarga tanggungan** gemulah pegawai atau gemulah pesara daripada keempat-empat perkhidmatan di perenggan (a) yang diberi pencen terbitan atau faedah lain yang dibayar secara berkala di bawah undang-undang pencen yang berkaitan

1.2. Pihak yang *layak* menerima penyelarasan pencen ialah:

- (a) Pesara yang diberi pencen sehubungan persaraan **pada atau sebelum 1 Julai 2007**; dan
- (b) Ahli keluarga tanggungan yang diberi pencen bagi perkhidmatan gemulah pegawai yang **meninggal dunia semasa dalam perkhidmatan**, atau gemulah pesara yang **meninggal dunia semasa dalam persaraan, pada atau sebelum 30 Jun 2007**

1.3. Pihak yang *tidak layak* menerima penyelarasan pencen ialah

- (a) pesara atau penerima pencen yang **tidak bermastautin di Malaysia**, mengikut tafsiran di bawah undang-undang pencen yang berkaitan; dan
- (b) **penerima elaun tanggungan** berhubung dengan kebangkrapan atau pengisytiharan sebagai takberkemampuan, hukuman mati atau hukuman penjara.

**2. PERKIRAAN KADAR PENCEN YANG DISELARAS**

Untuk mengira kadar pencen baru menyusuli semakan gaji yang berkuat kuasa 1 Julai 2007, darabkan [pencen bulanan semasa] dengan [100% + peratusan kenaikan gaji bagi

Kumpulan Perkhidmatan akhir sebelum persaraan atau kematian dalam perkhidmatan] seperti berikut:

- (i) Jawatan Utama atau Jawatan Khas Sektor Awam : (100 + 7.5) %
- (ii) Pengurusan dan Profesional : (100 +15) %
- (iii) Sokongan I : (100 + 25) %
- (iv) Sokongan II : (100 + 35)%

**CONTOH 1** (Pesara; *Sokongan I*; tempoh perkhidmatan kurang daripada 300 bulan)

PENCEN BULANAN SEMASA	PENCEN BULANAN YANG DISELARAS BERKUATKUASA 1 JULAI 2007
<p>Gaji akhir: RM 2000 Tempoh perkhidmatan: 237 bulan</p> <p>MAKA pencen = <math>1/600 \times 237 \text{ Bulan} \times \text{RM } 2000 = \text{RM } 790</math></p>	<p>Pencen yang diselaras: <math>\text{RM } 790 \times 125\% = \text{RM } 987.50</math></p> <p><u>Penjelasan:</u></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a. Gaji semasa = RM 2000</li> <li>b. Gaji baru yang bersamaan pada 1.7.2007 = <math>\text{RM}(2000+[25\% \times 2000]) = \text{RM } 2500</math></li> <li>c. MAKA pencen yang diselaras : <math>1/600 \times 237 \times \text{RM } 2500 = \text{RM } 987.50</math></li> </ul>

**CONTOH 2** (Pesara; *Sokongan II*; tempoh perkhidmatan melebihi 300 bulan)

PENCEN BULANAN SEMASA	PENCEN BULANAN YANG DISELARAS BERKUATKUASA 1 JULAI 2007
<p>Gaji akhir: RM 900 Tempoh perkhidmatan: 398 bulan</p> <p>MAKA pencen = <math>1/2 \times \text{RM } 900 = \text{RM } 450</math></p>	<p>Pencen yang diselaras: <math>\text{RM } 450 \times 135\% = \text{RM } 607.50</math></p> <p><u>Penjelasan:</u></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a. Gaji semasa = RM 900</li> <li>b. Gaji yang bersamaan pada 1.7.2007 = <math>\text{RM}(900+[35\% \times 900]) = \text{RM } 1,215</math></li> <li>c. MAKA pencen yang diselaras : <math>1/2 \times \text{RM } 1,215 = \text{RM } 607.50</math></li> </ul>

**CONTOH 3** (Penerima pencen terbitan; Pengurusan & Profesional; tempoh perkhidmatan kurang daripada 300 bulan; kadar pencen terbitan 70% daripada kadar pencen gemulah)

<b>PENCEN TERBITAN BULANAN SEMASA</b>	<b>PENCEN TERBITAN BULANAN YANG DISELARAS BERKUATKUASA 1 JULAI 2007</b>
<p>Gaji akhir: RM3,000 Tempoh perkhidmatan: 237 bulan</p> <p>MAKA pencen terbitan: <math>(1/600 \times 237 \text{ bulan} \times \text{RM } 3000) \times 70\% = \text{RM } 829.50</math></p>	<p>Pencen yang diselaras: <math>\text{RM } 829.50 \times 115\% = \text{RM } 953.93</math></p> <p><u>Penjelasan:</u></p> <p>a. Gaji semasa = RM 3,000 b. Gaji yang bersamaan pada 1.7.2007 = <math>\text{RM}(3000 + [15\% \times 3000]) = \text{RM } 3,450</math> c. MAKA pencen yang diselaras : <math>(1/600 \times 237 \text{ bulan} \times \text{RM } 3,450) \times 70\%</math> = <b>RM 953.93</b></p>

**CONTOH 4** ( Pesara; Sokongan I; tempoh perkhidmatan kurang daripada 300 bulan; tercatat sedikit semasa dalam Kawasan Keselamatan)

<b>PENCEN HILANGUPAYA BULANAN SEMASA</b>	<b>PENCEN HILANGUPAYA BULANAN YANG DISELARAS BERKUATKUASA 1 JULAI 2007</b>
<p>Gaji akhir: RM 1450 Kadar yang boleh dibayar 1/8 daripada gaji</p> <p>MAKA pencen hilangupaya: <math>1/8 \times \text{RM } 1450 = \text{RM } 181.25</math></p>	<p>Pencen hilangupaya yang diselaras: <math>\text{RM } 181.25 \times 125\% = \text{RM } 226.56</math></p> <p><u>Penjelasan:</u></p> <p>a. Gaji semasa = RM 1,450 b. Gaji baru yang bersamaan pada 1.7.2007 = <math>\text{RM}(1,450 + [25\% \times 1,450]) = \text{RM } 1,812.50</math> c. MAKA pencen hilangupaya yang diselaras : <math>1/8 \times \text{RM } 1,812.50 = \text{RM } 226.56</math></p>

**NOTA:** Kadar penyelarasan pencen sebenar adalah bergantung kepada sifir pemindahan gaji bagi gred bersamaan yang berkenaan, tetapi kadar tersebut adalah tidak kurang daripada yang dimaksudkan dalam contoh-contoh di atas.

### 3. UMUM

3.1 Bahagian Pencen, Jabatan Perkhidmatan Awam (bagi pencen berkaitan dengan perkhidmatan dengan Perkhidmatan Awam Persekutuan atau Negeri atau Pihak Berkuasa Berkanun atau Tempatan) dan Jabatan Hal-Ehwal Veteran, Kementerian Pertahanan (bagi pencen berkaitan dengan Perkhidmatan Angkatan Tentera Malaysia) akan menyelaraskan pencen **selewat-lewatnya pada 31 Ogos 2007.**

**3.2** Bagi pencen pesara Angkatan Tentera Malaysia dan pesara Polis DiRaja Malaysia, kadar pencen baru didarabkan [pencen bulanan semasa] dengan peratusan seperti berikut :

- (i) Jawatan Utama atau jawatan Khas Sektor Awam :  $(100 + 9)\%$
- (ii) Pengurusan dan Profesional :  $(100 + 18)\%$
- (iii) Sokongan I :  $(100 + 30)\%$
- (iv) Sokongan II :  $(100 + 42)\%$